

BAB 5 PENUTUP

5.1 Pendahuluan

Bab ini merupakan rumusan kajian dan adalah bab terakhir. Secara umumnya bab ini terbahagi kepada lima bahagian iaitu pendahuluan, kesimpulan, dapatan kajian, cadangan dan penutup.

5.2 Kesimpulan

Perkara pertama yang disebut dalam kesimpulan ini adalah kejayaan penulis menjawab objektif-objektif kajian yang telah digariskan pada pengenalan seperti berikut ;

Objektif Pertama : Penulis telah berjaya mengenalpasti tokoh ini melalui profil eksklusif. Melalui profil eksklusif ini memperlihatkan tokoh ini memiliki peribadi yang kuat, tabah dan seorang yang konsisten dalam menghadapi cabaran hidup. Tokoh ini juga memiliki sikap bertanggungjawab yang tinggi.

Melalui temubual penulis dengan tokoh ini menemukan kaedah tersendiri yang dimiliki oleh tokoh ini apabila menghadapi kesulitan besar. Penulis sedia maklum kecekalan dan ketabahan tokoh ini dalam menghadapi cabaran tetapi apabila beliau merasa peluang untuk menang adalah tipis atau tidak pasti, maka beliau akan bangun malam memperbanyakkan solat tahajjud dan meminta bantuan Allah SWT.¹

Terdapat beberapa masalah yang besar yang telah berjaya dilepasi oleh tokoh ini seperti ancaman komunis, perpaduan yang rapuh di antara kaum dan parti politik.

¹ *Op. Cit.*, Abdul Rahman Ya'kub, temubual.

Penulis yakin di antara cara tokoh ini menghadapi masalah tersebut adalah dengan kaedah solat tahajjud tersebut.

Tokoh ini juga mengharungi berbagai kepayahan dan kesempitan dari sudut keperluan hidup sejak dari usia kecil beliau. Keadaan ini berterusan sehingga tokoh ini meningkat usia remaja dan belia. Pada usia yang sangat muda, tokoh ini mengambil sebahagian daripada beban yang ditanggung ayah beliau dalam usaha meneruskan kehidupan diri dan keluarga sebagaimana disebut pada bab ketiga kajian ini.

Kesusahan yang dilalui tokoh ini berlanjutan bahkan semasa beliau melanjutkan pelajaran ke London, tetapi tokoh ini tidak mengalah, sebaliknya berjaya membawa pulang cita-cita dan impian dengan cemerlang.

Pada hemat penulis, perjalanan hidup tokoh ini yang penuh cabaran bukanlah tidak memberi makna apa-apa atau sekadar paparan dari kehidupan seseorang tetapi ia adalah sebuah landasan persediaan melahirkan seorang pemimpin secara *natural* atau alami. Ketika tokoh ini menjadi Ketua Menteri Sarawak, beliau telah berjaya keluar dari kemelut yang berlaku dan di antara faktor kekuatan semangat dan kecekalan ini telah dipersiapkan secara *natural* sebelumnya.

Secara peribadi, penulis melihat tokoh ini berdasarkan dua aspek iaitu aspek pemimpin dan aspek manusia.

Pertama : Sebagai pemimpin, tokoh ini menunjukkan kualiti kepimpinan yang tinggi apabila menggagahi cabaran-cabaran sama ada kecil, sederhana mahu pun yang besar. Perkara ini berlaku kerana tokoh ini telah dipersiapkan untuk menghadapi cabaran.

Kedua : Cabaran-cabaran yang dilalui oleh tokoh ini menunjukkan beliau adalah manusia biasa yang tidak terlepas daripada masalah dan rintangan. Apa yang membezakan disini adalah tokoh ini mendepani cabaran hingga berjaya melepasi masalah dan rintangan tersebut sama ada secara penuh atau spara penuh dan bukannya lari dari masalah.

Seterusnya penulis berjaya menjawab objektif kedua kajian yang telah disentuh pada bab keempat. Tokoh ini telah melakukan revolusi dalam pemikiran dan gerakan dakwah di Sarawak. Persembahan dakwah ketika itu lebih berorientasikan kepada ulama dan guru agama semata. Usaha mengembangkan agama lebih bersifat individual daripada dedikasi golongan agamawan yang tidak dikordinasi serta diorganisasi secara bersepadu dan besar-besaran. Oleh yang demikian, hasil dari usaha ini adalah kecil dan tidak dapat membina kekuatan untuk menentang kemungkaran dengan lebih berjaya.

Tokoh ini memiliki gagasan dakwah holistik bukan dakwah secara kotak-katik yang atau sekadar menyampai ceramah dan pengIslaman golongan non-Muslim. Tokoh ini melakukan jihad sosial menerusi dakwahnya yang merangkumi aspek politik, ekonomi, pendidikan, kebajikan dan kemajuan masyarakat Islam. Pelaksanaan dakwah tokoh ini, terbahagi kepada dua iaitu *al-Islāh* yang bermaksud perbaiki dan menyebarkan dakwah kepada golongan non-Muslim.

Sebagai contoh, Koperasi BINA yang ditubuh oleh tokoh ini memberi ruang kepada orang Islam melibatkan diri dalam perniagaan untuk meningkatkan ekonomi umat, membentuk sikap berdikari dan mengelak sikap pasif yang hanya mengharapkan bantuan dari pihak lain. Dengan memiliki ekonomi yang kukuh, umat Islam dapat

terlibat dan menyumbang untuk memperkasakan lagi dakwah bukan menjadi peminta sedekah.

Seterusnya pemikiran politik tokoh ini bukan sekadar politik kosong tetapi pemikiran politik yang berstrategi. Tokoh ini melebarkan capaian dakwah kepada golongan non-Muslim kerana semakin banyak golongan ini yang memeluk agama Islam akan memberi kesan dan memperkukuhkan kedudukan politik umat Islam. Sebagai contoh, pengislaman 500 orang golongan non-Muslim akan menambah sokongan politik tokoh ini sebanyak 500 undi berasaskan bilangan suara ketika diadakan pilihanraya. Oleh itu, kejayaan meningkatkan jumlah orang Islam daripada golongan ini akan memperkukuh kedudukan politik umat Islam di Sarawak kerana kedudukan umat Islam adalah minoriti dan tokoh ini telah mencapai tujuan ini.

Dalam aspek pendidikan, tokoh ini menyediakan landasan yang kukuh untuk meningkatkan mutu pendidikan umat Islam dan Saudara Kita dengan menubuhkan institusi pendidikan formal seperti Tadika BINA, Institut Dakwah BINA dan Baitul Rahmah Pusat Latihan Dakwah. Dengan memiliki umat yang berpendidikan akan mampu menempuh cabaran zaman yang kian meningkat. Umat yang berpendidikan akan dapat membantu memajukan negeri dan agama.

Tokoh ini berjaya memecah kebuntuan dan kejumudan gagasan dakwah ketika itu dan mengubah cakrawala pemikiran dan topografi dakwah di Sarawak menjadi dinamik, sistematik dan melangkau zaman.

Tokoh ini juga telah melakukan kemas kini gerakan dakwah, meletakkan hala tuju yang jelas dan memacu keupayaan gerakan ini bagi meningkatkan pencapaian yang telah dirancang. Dengan kekemasan dan strategi ini juga mampu menyelenggara

banyak aktiviti dan program dakwah yang bersais besar bagi mendapat kejayaan yang berukuran mega.

Dengan terjawabnya kedua-dua objektif kajian di atas, penulis menyimpulkan bahawa tokoh ini memiliki kriteria yang sudah matang untuk tanggungjawab dan tugas yang berat ini. Pada hemat penulis, pembentukan gagasan dakwah yang hebat tokoh ini adalah bersumber dari banyak faktor seperti zaman kecil yang sukar telah dilalui oleh beliau. Tokoh ini juga berinteraksi dengan tokoh-tokoh luar semasa menuntut di London seperti Dr. Muhammad Assad, *Brother* Lehman. Manakala semasa di tanah air beliau berkolaborasi bersama tokoh dakwah Indonesia seperti Buya Hamka, Mokhtar Lintang dan tokoh tempatan seperti Tengku Haji Bujang, Datuk Hakim Abang Abdillah, Tun Haji Openg yang menentang penjajahan Sarawak.

Tokoh ini melebarkan pengalaman beliau apabila bertugas dengan kerajaan persekutuan selama 7 tahun. Pengalaman ini membantu beliau menguasai selok belok pentadbiran negeri Sarawak dengan jayanya. Tokoh ini juga mengadaptasi gerakan dakwah PERKIM yang diketuai oleh Tunku Abdul Rahman Putera di Semenanjung Malaysia.²

Walaupun tokoh ini mempunyai latar belakang pendidikan sekular iaitu dalam bidang undang-undang tetapi berjiwa Islam yang kuat. Fakta ini menjadikan tokoh ini begitu unik atau langka. Seterusnya penulis membentangkan dapatan kajian adalah seperti berikut.

² *Op.Cit*, Majid, 2

5.3 Dapatan Kajian

Penulis menggariskan tiga dapatan utama daripada kajian ini yang akan dinyatakan di bawah sebagai berikut ;

Pertama : Sering terdapat faktor yang membezakan di kalangan pemimpin-pemimpin dunia dalam sejarah dan tamadun manusia. Pemimpin sesebuah negara memiliki tugas pentadbiran yang sudah jelas dan sangat banyak. Apabila seseorang pemimpin melakukan tugas yang bukan tugas hakiki dan menunjukkan kecemerlangan, maka pemimpin itu memiliki kelebihan, perbezaan dan keunikan.

Abdul Rahman Ya'kub adalah Ketua Menteri Sarawak dan sudah pasti memikul tugas yang banyak dan berat. Sebagai pemimpin negeri, tokoh ini telah melaksanakan tanggungjawab beliau dengan membawa kemajuan dari aspek keamanan, pembangunan fizikal di Sarawak. Dalam masa yang sama, tokoh ini terlibat secara aktif dan mengetuai gerakan dakwah sehingga mencapai kejayaan yang besar sedangkan tanggungjawab itu bukanlah tugas beliau secara *compulsory* sebagai seorang yang berkelulusan sekular.

Disinilah letaknya keunikan tokoh ini dibandingkan dengan pemimpin-pemimpin yang lain sama ada sebelum atau sesudah beliau. Dalam temubual dengan penulis, tokoh ini menyatakan pernah bertanya kepada seorang berpangkat tinggi di negeri ini kenapa tidak melakukan dakwah? Jawapan yang diperoleh dari orang tersebut takut golongan bukan Islam marah. Tokoh ini menyatakan lagi, beliau tidak dimarah oleh golongan bukan Islam disebabkan melakukan dakwah bahkan golongan non-Muslim menerima dan memeluk agama Islam.³

³ *Op.Cit*, Abdul Rahman Ya'kub, temubual

Seandainya tokoh ini mendiamkan diri dan tidak terlibat dalam kerja dakwah adalah munasabah sekiranya diukur daripada kelulusan sekular beliau. Sekiranya ini berlaku, sudah pasti pencapaian besar gerakan dakwah di Sarawak tidak akan tercapai. Keadaan umat Islam pula tidak akan berubah ke arah yang lebih baik.

Suka penulis tambah disini mengenai langkah drastik tokoh ini dalam memperkasakan institusi yang ada. Pada tahun 1960, dana MIS sebanyak RM42,273.00 telah meningkat kepada RM43,916.00 pada tahun 1970 iaitu selama 10 tahun. Pada tahun 1971 hingga 1975, dana ini meningkat menjadi RM235,400.00. Peningkatan tersebut semakin bertambah pada tahun 1976 iaitu daripada RM261,309.00 kepada RM350,038.00 pada tahun 1977. Pada tahun 1978 pula, dana ini meningkat lagi kepada jumlah RM567,350.00. Satu peningkatan yang drastik hanya dalam tiga tahun. Seterusnya pertambahan dana ini meningkat lagi untuk tempoh 10 tahun berikutnya iaitu tahun 1979 daripada RM592,100.00 kepada RM620,780.00 pada tahun 1980.

Daripada catatan dana MIS di atas dapat dianalisa bahawa tokoh ini telah memperkasakan badan MIS dari aspek dana. Pada tahun 1960 hingga 1970 terdapat peningkatan sebanyak RM1,643.00 dicatat pada kewangan MIS atau 3.8% selama 10 tahun atau 0.38% setahun. Tetapi pada tahun 1971 hingga 1975, kewangan MIS ditingkatkan oleh tokoh ini menjadi RM235,400, iaitu peningkatan sebanyak 173% dalam masa 5 tahun atau 35% setahun. Ini adalah revolusi kewangan MIS yang dilakukan oleh tokoh ini seurus menjadi Ketua Menteri Sarawak tahun 1970.

Selain tokoh ini juga menambah bilangan kakitangan MIS. Pada tahun 1960 seramai 7 orang kakitangan MIS dan kemudian meningkat kepada 14 orang pada tahun

1975. Untuk tempoh tiga tahun berikutnya menampakkan peningkatan iaitu 27 orang pada tahun 1976, pada tahun 1977 menjadi 32 orang dan kemudian mencecah 44 orang pada tahun 1978. Bagi tempoh 10 tahun berikutnya juga menampakkan *trend* peningkatan yang ketara iaitu dalam tahun 1979 hingga 1980 tokoh ini telah meningkatkan jumlah kakitangan MIS seramai 56 orang. Dengan pertambahan kewangan dan kakitangan MIS, tokoh ini telah menyediakan landasan yang sesuai bagi MIS melebarkan dan melaksanakan tugas mereka.

Kedua : Penulis menggariskan dapatan kedua kajian adalah sumbangan tokoh ini yang menjadi tunjang kepada perkembangan Islam di Sarawak moden. Setelah menginstitusikan gerakan dakwah dan melakukan aktiviti serta program dengan berbagai pendekatan yang telah menghasilkan kejayaan. Justeru kejayaan tokoh ini menjadi asas kepada pencapaian serta kemajuan yang dilakukan oleh umat Islam yang datang kemudian. Oleh yang demikian, perkembangan yang pesat berlaku dalam dakwah, pembangunan umat Islam, binaan masjid-masjid, bangunan bercirikan Islam dibangun di atas asas yang telah dirintis oleh tokoh ini. Dalam erti kata lain sumbangan dakwah oleh tokoh ini menjadi fondasi kukuh bagi perkembangan dakwah dan umat Islam di Sarawak sekarang.

Ketiga : Sebagaimana disebut sebelum ini mengenai pembaharuan gerakan dakwah yang dipelopori oleh tokoh ini sememangnya sesuatu yang amat penting. Tokoh ini telah membawa gerakan dakwah keluar dari kotak minda dakwah yang jumud bertukar menjadi sebuah gerakan yang besar dan terancang.

Penulis mendapati catatan perkembangan Islam dari aspek pertambahan jumlah umat Islam dan langkah-langkah mengembangkan agama Islam tidak begitu

cemerlang. Tanpa menafikan gerakan dan usaha oleh pihak-pihak seperti Majlis Islam Sarawak (MIS) atau Persatuan Kebajikan Islam Sarawak (PERKIS), sumbangan dakwah tokoh ini amat sukar ditandingi bahkan rekod pencapaian tersebut masih unggul dan belum mampu disaingi sehingga sekarang. Justeru pencapaian yang gemilang itu menjadi cabaran kepada gerakan dakwah yang datang kemudian.

5.4 Cadangan

Berdasarkan dapatan yang dihasilkan daripada kajian di atas, penulis mencadangkan tiga perkara;

Pertama : Gerakan dakwah yang ada sekarang ini hendaklah lebih fokus dalam melahirkan generasi muda Islam yang mempunyai ciri-ciri pemimpin yang mantap sepertimana kepimpinan tokoh ini. Berdasarkan apa yang disebut di atas mengenai tokoh ini melakukan jihad sosial menerusi gerakan dakwah. Tokoh ini memastikan dakwah beliau merangkumi aspek-aspek yang berkaitan dengan masyarakat seperti politik, ekonomi, sosial dan teknologi.

Perkara ini tidaklah mustahil dan sepatutnya mudah dicapai oleh dakwah kontemporari memandangkan terdapat kemudahan dari segi infrastruktur dan kemajuan dalam bidang teknologi maklumat yang canggih boleh dilibatkan untuk mencapai tujuan itu. Di samping itu terdapat cerdik pandai dari kalangan orang Islam dalam berbagai disiplin ilmu yang boleh dimanfaatkan kepakaran mereka untuk merangka dan menyediakan modul unggul untuk melahirkan pemimpin unggul.

Oleh itu, penulis mencadangkan dakwah kontemporari mestilah mempelajari daripada tokoh ini dalam aspek perancangan dan pelaksanaan dakwah holistik, jihad sosial dan melangkaui zaman bagi menghasilkan impak dakwah yang berskala besar.

Kedua : Penulis mencadangkan agar badan-badan dakwah yang ada sekarang berganding bahu dan saling melengkapi antara satu sama lain dalam rangka menyediakan *blueprint* dan tindakan strategik yang akan membawa keuntungan kepada generasi umat Islam. Badan-badan ini janganlah mengambil sikap mahu menang sendiri dan mengelak daripada kancuh pertelingkahan yang tidak membawa keuntungan kepada umat dan dakwah. Suka penulis sebut disini, sebagai contoh seperti di peringkat nasional telah wujud Majlis Dakwah Negara yang menghimpunkan berbagai badan dakwah bernaung di dalam majlis tersebut untuk menempa kejayaan bagi umat Islam. Manakala Di Sarawak pula terdapat Muzakarah Dakwah Negeri Sarawak yang menghimpunkan berbagai agensi Islam dan badan dakwah bukan kerajaan (NGO) bernaung di bawah Majlis Islam Sarawak (MIS) untuk bertindak ke arah kemajuan umat Islam.

Namun begitu, usaha dan hasil dakwah oleh badan-badan ini belum mencapai tahap maksima sedangkan segala kemudahan, alat bantu, kewangan, tenaga mahir Islam serta kuasa politik berada dalam tangan umat Islam. Oleh itu penulis mencadangkan agar setiap badan ini memberi lebih perhatian dan komitmen terhadap rancangan dan langkah strategik dakwah yang telah diputuskan sebagaimana tokoh ini telah melaksanakan resolusi Kongres Malaysia Timur [Timur].

Suka penulis sebut disini bahawa tokoh ini melaksanakan keputusan resolusi yang telah dihasilkan oleh Kongres Islam Malaysia Timur yang telah diadakan pada

bulan Mei 1968. Selepas itu pelaksanaan dakwah dan jihad sosial tokoh ini adalah merupakan keputusan yang dipersetujui dari pembentangan-pembentangan kertas kerja kongres. Suka penulis menyebut kembali pembentangan-pembentangan kertas kerja semasa Kongres Malaysia Timur iaitu dalam aspek langkah-langkah memajukan umat Islam melalui pendidikan adalah dari pembentangan oleh Abdul Kadir Hassan, ekonomi dari pembentangan oleh Bujang Nor, tadbir urus yang cekap kesatuan oleh Abdul Taib Mahmud.⁴

Ketiga : Penulis mencadangkan pihak pertubuhan dakwah memikirkan dan membina jaringan dakwah global dalam rangka melakukan *islāh* dan dakwah ke negara-negara yang masih memerlukan. Jaringan dakwah global amat perlu ke arah pembentukan daulah Islamiah ataupun mengembalikan *khilāfah Islāmiah*.

Tokoh ini membina hubungan dan mempelopori jaringan dakwah global dengan negara-negara luar seperti Libya, Arab Saudi, Moroko, Indonesia dan lain lagi. Bahkan tokoh ini adalah ahli seumur hidup pertubuhan Islam terbesar dunia iaitu *Rabi'ah al-'Alam al-Islāmi*. Jaringan ini banyak memberi faedah kepada gerakan dakwah tokoh ini di Sarawak dterutamanya dari ari aspek kewangan dan tenaga pakar dalam berbagai bidang Islam.

Penulis mendapati gerakan dakwah kontemporari mempunyai hubungan dengan negara luar tetapi perlu disepadu dan diperkukuhkan lagi agar mencapai keputusan mega iaitu Islam sebagai rahmat kepada seluruh alam.

⁴ Kongres Islam Malaysia Timur, <http://bppmis.blogspot.com/2009/01/kertas-kerja-kongres-islam-malaysia.html> , dicapai 26 Ogos 2014

5.5 Penutup

Abdul Rahman Ya'kub merupakan *icon* dalam dakwah khasnya di Sarawak dan di Malaysia umumnya. Beliau telah mencetuskan dimensi baru dalam gerakan dakwah ketika itu apabila memecah tradisi dan berjaya menarik penglibatan kalangan orang biasa dalam dakwah. Tanpa menghilangkan rasa hormat terhadap usaha pihak tertentu dalam mengembangkan agama Islam yang ada, penulis menyatakan kejayaan usaha tersebut adalah kecil jika dibandingkan dengan sumbangan tokoh ini dalam dakwah di Sarawak..

Penulis membatasi kajian ini dan tidak menyentuh lebih lanjut sejauh mana keberkesanan impak daripada kejayaan gerakan dakwah tokoh ini terhadap umat Islam di Sarawak untuk jangka masa panjang. Oleh itu penulis mengalukan usaha dan kajian yang lebih lanjut mengenai aspek tersbut kepada pengakaji selanjutnya.

Boleh dibayangkan, seorang Abdul Rahman Ya'kub boleh memberi sumbangan besar seperti dinyatakan di atas, bagaimanakah pula sekiranya ada 10 orang yang memiliki kualiti seperti beliau.

Dakwah masih relevan dan penting di Sarawak bagi *survival* umat Islam yang minoriti jika dibandingkan kepada non-Muslim. Dakwah mengekalkan jati diri umat Islam bagi menempuh cabaran dan tentangan zaman kontemporari.

“Sesungguhnya solatku, ibadahku, hidupku dan matiku kerana Allah Tuhan sekalian alam” merupakan motto yang menjadi azimat kepada tokoh ini yang dijelmakan gerakannya bersama BINA. Azimat ini kemudiannya dijadikan acuan untuk mengisi jati diri umat Islam untuk berada di arus perdana dunia global tanpa sempadan. Allah itu kekal, agama Allah itu kekal tetapi manusia akan mati. Pada tarikh

10 Januari 2015, tokoh ini telah berpindah ke kampung *barzakh* menemui Pemiliknya. Beliau meninggal dunia di Hospital Pakar Normah Petra Jaya pada 9.30 malam setelah menjangkau usia 87 tahun. Setiap manusia akan ditanya peranan dan sumbangannya untuk dakwah agama Allah yang kekal itu. Dakwah sepanjang hayat.

Semoga roh *al-maḥūm* Abdul Rahman bin Ya'kub ditempatkan disisi Allah SWT pada kedudukan yang selayaknya dan semoga ampunan serta redhaNya memayungi beliau. Amin.